



ایکاتن فنولیس سابه

IKATAN PENULIS SABAH

Kota Kinabalu, 21 Disember 2022

KENYATAAN AKHBAR

IPS BERDUKACITA ATAS WAFATNYA RAMLI ABOK

Ikatan Penulis Sabah (IPS) berdukacita atas wafatnya Encik Ramli bin Abok (MleKabok) lewat hari ini di Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu kerana sakit. IPS memperingati al-Marhum sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa IPS bagi penggal 2022-2024 dan guru yang telah menghidupkan bahasa, sastera dan budaya Melayu dan etnik tempatan Sabah.

IPS mengucapkan takziah kepada keluarga, sanak saudara, sahabat handai dan anak-anak murid kepada al-Marhum dan mendoakan agar diberikan kekuatan dan kesabaran untuk meneruskan kehidupan. Di samping menghargai jiwa raga dan jasa-jasa al-Marhum kepada bangsa dan negara dalam bidang kepakarannya, IPS menyatakan komited untuk mewujudkan mimpi al-Marhum yang tidak sempat ditunaikan di dunia ini menerusi usaha-usaha yang akan diteruskan dalam tempoh Jawatankuasa IPS yang masih berbaki.

IPS mengajak semua untuk menghantarkan doa dan restu untuk al-Marhum. Semoga al-Marhum mendapat tempat yang terbaik di sisi-Nya.

Bagi pihak

Ikatan Penulis Sabah



AWANG ABDUL MUIZZ BIN AWANG MARUSIN

Ketua Satu